



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	9/6/2021	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	KeTSA – Kenyataan Media			

Diskaun penyewa tanah, ruang bangunan Persekutuan dilanjut

Kuala Lumpur: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melanjutkan diskaun bayaran sewaan kepada penyewa tanah dan ruang bangunan Persekutuan serta pemberian Bantuan Dana Prihatin Kebajikan Hidupan Liar kepada zoo.

Menteri berkenaan, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata inisiatif pemberian diskaun kepada penyewa tanah dan ruang bangunan itu yang diberikan sehingga 30 Jun 2021, diteruskan untuk tempoh enam bulan lagi bermula 1 Julai sehingga 31 Disember 2021.

Beliau berkata, inisiatif itu dapat membantu meringankan beban penyewa berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang bermula 1 Jun lalu.

"Selain itu diharap inisiatif ini

dapat memberi ruang untuk penyusunan semula aliran tunai bagi mengekalkan perniagaan mereka di atas tanah atau ruang bangunan Persekutuan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Shamsul Anuar berkata, KeTSA turut prihatin kepada Zoo dan Pameran Tetap (ZPT) yang terjejas berikutan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh.

Katanya, selain ketiadaan sumber pendapatan berikutan tiada kutipan tiket masuk, ZPT juga terpaksa menanggung kos operasi yang tinggi termasuk bagi menyediakan bekalan makanan, ubat-ubatan dan pengurusan hushandri.

"Justeru, KeTSA melalui peruntukan Akaun Amanah Konservasi Biodiversiti di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan

Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) meluluskan penyaluran dana segera berjumlah RM179,426.

"Ia sebagai peruntukan awal Bantuan Dana Prihatin Kebajikan Hidupan Liar kepada 10 premis Zoo dan Pameran Tetap (ZPT) yang terjejas teruk dengan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh ini," katanya.

Katanya, Bantuan Dana Prihatin Kebajikan Hidupan Liar pada kali ini adalah berdasarkan permohonan bagi keperluan segera oleh 10 premis ZPT berkenaan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pada PKP tahun lalu, sejumlah RM3.9 juta peruntukan daripada kerajaan dan RM500,000 daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) disalurkan secara berpe-

“Inisiatif berkenaan dapat bantu ringankan beban penyewa berikutan pelaksanaan PKP 3.0 bermula 1 Jun lalu”



Shamsul Anuar Nasarah,
Menteri Tenaga dan Sumber Asli

ringkat kepada 25 ZPT yang terjejas bermula Mei 2020.

"Bantuan dana kali ini pula adalah sebagai kesinambungan terhadap bantuan yang disalurkan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, KeTSA sentiasa komited dalam membantu sektor di bawah kementerian yang terkesan termasuklah dalam memastikan kebajikan rakyat ditingkatkan dan perlindungan hidupan liar terus terpelihara.